



SIARAN MEDIA

SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 RUKUN NEGARA DILANCAR

PUTRAJAYA, 9 JULAI 2020 - YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri hari ini melancarkan sambutan Ulang Tahun ke-50 Rukun Negara anjuran bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Kementerian Perpaduan Negara sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Sambutan Ulang Tahun ke-50 Rukun Negara ini bertujuan menyemarakkan semangat cintakan Rukun Negara yang menjadi tunjang perpaduan dan keharmonian nasional agar terus dihayati dan dibudayakan oleh segenap lapisan masyarakat. Majlis yang disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen tempatan, juga menyaksikan pelancaran logo rasmi sambutan Ulang Tahun ke-50 Rukun Negara. Logo berkenaan dihasilkan melalui kerjasama antara BERNAMA, Jabatan Penerangan Malaysia dan Sinar Karangkrak Sdn. Bhd.

Turut dilancarkan pada majlis yang sama adalah setem khas bertemakan 'Lima Puluh Tahun' yang menampilkan elemen serta prinsip Rukun Negara, logo sambutan 50 tahun Rukun Negara dan Bunga Raya. Bersama-sama siri setem khas ini, Pos Malaysia turut menerbitkan lembaran mini yang menggunakan warna emas pada peta Malaysia, dan 5 prinsip Rukun Negara serta logo ulang tahun ke-50 bagi menandakan sambutan Jubli Emas Rukun Negara. Siri setem khas bersama lembaran mini ini akan dijual oleh Pos Malaysia bermula 18 Ogos depan.

Majlis pada hari ini turut disertai oleh 6 pelajar sekolah menengah dan 7 pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang mewakili Kelab Rukun Negara dan Sekretariat Rukun Negara di bawah penyeliaan Kementerian Perpaduan Negara. Sehubungan dengan itu, Kementerian Perpaduan Negara juga akan menyemak

semula pendidikan Rukun Negara di sekolah dan institut pengajian tinggi awam dan swasta bagi memantapkan lagi penghayatan Rukun Negara dalam kalangan anak-anak muda.

Bagi menyemarakkan lagi sambutan Ulang Tahun ke-50 Rukun Negara yang bermula dari 9 Julai hingga 16 September 2020, pelbagai program akan dijalankan antaranya Insta Challenge, Rukun Negara Hour, e-Treasure Hunt, Pertandingan Pengisahan Kenegaraan, Pertandingan Pidato Kenegaraan, Bual Bicara Bersiri, Dokumentari Khas dan Bicyclethon. Program-program ini adalah anjuran bersama BERNAMA, Jabatan Penerangan Malaysia dan RTM dengan kerjasama Kementerian Perpaduan Negara.

Rukun Negara diisytihar pada 31 Ogos 1970 bagi menjadi falsafah keharmonian dan perpaduan agar setiap rakyat dapat menerima dan menghayati kepelbagaian kaum, agama dan budaya di negara ini.

Turut hadir di majlis pelancaran hari ini adalah Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri; YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan Pertahanan; YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan Pendidikan; YB Dr. Radzi Jidin, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia; YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Perpaduan Negara; YB Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia; YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri.

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
dan
Kementerian Perpaduan Negara**